

'Gejala tidak sihat itu boleh hilangkan semangat merdeka'

Mahathir: Melayu lemah jika berpuak

BANGI, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa perjuangan orang Melayu akan lemah jika perpecahan mengikut puak atau kumpulan dalam pertubuhan politik dan ekonomi Melayu di biarkan berterusan.

Perdana Menteri mengesakan, "Membahagi-bahagikan kumpulan dalam satu pertubuhan seperti ulama dan bukan ulama, lepasan universiti itu lepasan universiti ini, kumpulan di bidang ini dan itu boleh melemahkan pencapaian masyarakat Melayu."

Menurutnya, gejala yang tidak sihat itu boleh menyebabkan orang-orang Melayu kehilangan semangat merdeka yang menekankan perpaduan sebagai asas kekuatan mereka pada satu ketika dahulu.

Berucap merasmikan pelancaran perayaan 35 tahun Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini, beliau berkata:

"Tidak mengapa jika wujud kalangan itu dan kalangan ini, sekiranya ia diasakan kepada semangat untuk menyatukan sumbangan ke arah matlamat akhir perjuangan kita.

"Tapi, jika kumpulan yang wujud hanya memupuk rasa keakuan dengan sikap 'aku lebih penting dan aku yang lebih 'berhak', ia hanya akan menyemai bibit-bibit perpecahan di kalangan orang Melayu," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sikap berpuak-puak atau berkumpulan yang terdapat dalam badan-badan sukarela atau badan politik dan ekonomi Melayu kadangkala melemahkan sesuatu badan itu secara menyeluruh.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah, Naib Canselor UKM, Tan Sri Dr. Awang Had Sal-

Oleh **JAMALUDDIN BAKAR**

leh dan Pengarah ITM, Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid.

Perdana Menteri berkata, cara pemikiran yang mewujudkan sekatan-sekatan tertentu mengikut kumpulan boleh menjadi benteng keangkuhan bagi melemahkan pencapaian dan prestasi masyarakat Melayu.

Beliau menarik perhatian kepada pentingnya pepatah yang terkenal waktu perjuangan kemerdekaan dahulu iaitu 'bersatu kita teguh bercerai kita roboh' ditekankan demi membina satu bangsa Malaysia yang makmur, sejahtera dan bersatu padu yang memerlukan asas-asas kebangsaan yang kuat.

Menurutnya, teras asas-asas kebangsaan ialah unsur-unsur peribumi dan perkara ini akan diberi perhatian yang teliti dan dengan insaf oleh setiap orang Melayu. Bak kata Hang Tuah, "Takkan Melayu hilang di dunia."

Datuk Seri Dr Mahathir mengesakan, bangsa Melayu mempunyai tugas yang amat penting dalam menajayakan dasar-dasar kerajaan seperti 'Kepimpinan Melalui Tauladan' supaya ia menjadi nilai hidup kita.

Dikongkong

Kalanya, beliau menyebutkan ini kerana kepimpinan Melayu menjadi teras kepada kepimpinan negara ini dan kepimpinan inilah yang menentukan sama ada kita dapat menggerakkan negara kita kepada tahap pencapaian yang setanding dengan negara-negara maju.

Badan-badan sukarela Melayu dan badan-badan politik dan ekonomi Melayu adalah tempat kepimpinan negara dilahirkan. "Oleh itu, kita tidak harus lupa pada hakikat bahawa kematangan dan kemampuan badan-badan Melayu adalah jaminan kepada kejayaan orang Melayu dan kemakmuran Malaysia.

Perdana Menteri juga memberi amaran bahawa masyarakat Melayu akan terus menghadapi kerugian jika dikongkong oleh sikap-sikap negatif.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



DATUK Seri Dr. M. Jathir Mahamad (tengah), berangkat masuk ke Dewan Tun Abdul Razak di UKM, Bangi diiringi oleh Pengarah ITM, Nik Abdul Rashid (kiri)

dan Pemangku Presiden GPMS, Encik Mohd Nasir Mokhasan untuk merasmikan Perayaan 35 tahun gabungan, semalam.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kikis sikap harapkan orang lain—PM

Dari Muka 1

Katanya, satu perkara yang menyedihkan dan amat malang bagi orang Melayu ialah suburnya sikap bergantung kepada orang lain, kepada kerajaan dan kepada nasib.

Hingga pada soal agama pun ada anggota masyarakat Melayu yang ingin bergantung kepada semua bentuk pemberian: dari tempat ibadat kepada tikar sembahyang, pinggan, anguk dan belahia untuk mengadakan sesuatu hajjah keagamaan, melainkan jika niat usaha ini diarahkan kepada kepentingan lain," tambahnya.

Beliau berkata, dalam bidang pelajaran pula, terdapat setengah-setengah penuntut Melayu yang berbakat mendapat tempat di Institut-Institusi pelajaran tinggi, sedangkan mereka terpaksa dipaksa untuk belajar kerana segala-galanya adalah untuk faedah dan bagi menebus maruah bangsa mereka sendiri.

Katanya, mereka seolah-olah menganggap apabila masuk universiti, mereka harus lulus. Ini kerana anggapan mereka apabila masuk universiti kesudahannya ialah tidak lain hanya lulus.

Begitu juga, penuntut-penuntut Melayu yang cuai dengan mata pelajaran Bahasa Malaysia kerana anggapan mereka ia adalah bahasa mereka.

Jantuan

Beliau lalu menyeru orang Melayu supaya sejar dan insaf.

"Jika kita lemah kerana kita cuai dan endah terhadap dengan kecajuran kita, tentulah kita selama-lamanya akan menjadi bangsa yang lemah dan tidak ada apa bantuan pun akan memberi faedah jangka panjang," serunya.

Katanya, sikap negatif ini bukan sahaja menunjukkan kepada masyarakat, bahkan negatif juga kepada agama Islam. Jika ini menjadi ciri hidup orang Melayu, ia merupakan satu petanda keburukan akan menimpa orang Melayu.

Datuk Seri Dr. M. Jathir mengingatkan, kewajiban orang Melayu bukanlah untuk berbangga-bangga dan mengkhayalkan orang Melayu di alam impian.

"Kita bersama-sama bertanggungan jawab mengatasi kelemahan orang-orang Melayu ini," tegas beliau.